

Pas sokong usaha Anwar ajak negara Arab, Islam usir Israel dari PBB

Oleh **MUSTAQIM MOHAMED**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Pas menyokong usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua negara Arab dan Islam membina konsensus ke arah menggantung atau mengusir Israel dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Naib Presidennya, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah

berkata, ia adalah satu usaha yang baik kerana kekejaman dan keganasan Israel sudah jelas terbukti.

“Mahkamah antarabangsa dan beberapa negara sudah membuat kenyataan mengenai perkara itu. Jadi ia (konsensus) memang satu usaha yang baik kerana Palestin bukan hanya isu agama tetapi isu keadilan sejagat.

“Keganasan yang dilakukan

oleh Israel itu tidak sepatutnya berlaku,” katanya selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari Hududullah Peringkat Negeri Kelantan 1446H/2024M di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, di sini, semalam.

Mohd. Amar berkata, mampu atau tidak konsensus tersebut dibina adalah bergantung kepada sokongan dunia terutama negara-negara Islam itu sendiri.

Katanya, sudah tentu akan ada cabaran besar dalam merealisasikannya kerana terdapat beberapa negara Islam yang dilihat seperti masih menyokong Israel.

“Sepatutnya sebaik sahaja isu Palestin berlaku, semua negara Islam perlu memainkan peranan dalam membela Palestin.

“Tetapi itu tidak berlaku dan sebahagian negara Islam masih lagi takut-takut dengan Amerika

Syarikat. Itulah perkara malang dalam isu Palestin ini sehinggalah berpuluh ribu rakyatnya telah terkorban,” ujarinya.

Media sebelum ini melaporkan, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru masyarakat dunia untuk membina kesepakatan bagi menggantung atau menyingkirkan Israel daripada keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).